

KEDUDUKAN TAKLIF ORANG KURANG UPAYA (OKU) DALAM PELAKSANAAN IBADAT

Azman Ab Rahmanⁱ Muhammad Faiz Abd. Shakorⁱⁱ Norakyairee Mohd Rausⁱⁱⁱ Mohd Nur
Adzam Rasdi^{iv} Ahmad Wifaq Mokhtar^v Zahari Mahad Musa^{vi} Nurul Nadia Nozlan^{vii}

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor, Institut Fatwa dan Halal. azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. faizshakorkisas@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pengarah, Ibnu Ummi Maktum Research Centre. norakyairee@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. nuradzam@usim.edu.my

^v Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. wifaq@usim.edu.my

^{vi} Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. zahari@usim.edu.my

^{vii} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. nunadianurul@gmail.com

Abstrak

Golongan OKU adalah hamba Allah dan mempunyai kewajipan untuk beribadat kepada Allah mengikut kemampuan mereka. Walaupun golongan OKU ditakdirkan wujud kekurangan pada tahap keupayaan mereka sama ada mental atau fizikal, namun mereka memiliki kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Oleh yang demikian, Islam telah menggariskan beberapa hak dan kewajipan tertentu yang telah ditetapkan untuk golongan ini. Justeru, artikel ini akan membincangkan khusus berkenaan kedudukan taklif bagi golongan OKU dalam skop pelaksanaan ibadat. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam mengumpulkan data bagi mencapai kehendak objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian mendapati kedudukan taklif bagi golongan OKU Penglihatan, Pendengaran, Pertuturan dan Fizikal wajib menunaikan segala kewajipan yang ditetapkan oleh syarak berdasarkan kemampuan dan keadaan mereka. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada OKU Pelbagai yang melibatkan ketidakupayaan pendengaran dan penglihatan sejak dilahirkan, dan mereka yang mengalami ketidaksempurnaan akal yang teruk. Hal ini kerana mereka tidak mampu memahami dalil pentaklifan yang menjadi syarat utama menjadi mukalaf. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat secara umum dan golongan OKU khususnya berkenaan kedudukan taklif bagi golongan OKU dalam pelaksanaan ibadat.

Kata kunci: *Taklif, OKU, Ibadat*

PENDAHULUAN

Allah SWT telah menciptakan manusia sebagai satu masyarakat yang terdiri daripada pelbagai jenis bangsa, kaum dan warna kulit. Semua ciptaan Allah SWT ini mempunyai hikmah yang tersendiri. Manusia diuji dengan ujian hidup sama ada sihat sejahtera, sakit atau cacat. Ada sebahagian manusia yang diuji dengan kecacatan pada pendengarannya, penglihatannya, anggota badannya dan sebagainya. Golongan seperti ini tidak boleh dilupakan di dalam masyarakat, lebih-lebih lagi di dalam masyarakat Islam yang menganggap mereka sebagai salah satu dari batu asas pembinaan masyarakat yang baik. Allah SWT telah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). (Al-Hujurat: 13)

Penelitian melalui Surah al-Hujurat di atas mendapati bahawa antara fokus utama surah adalah merujuk kepada pembentukan masyarakat yang berakhlak dengan menyantuni hak sesama insani. Antara konsep atau pra syarat bagi melahirkan masyarakat yang berkualiti berasaskan metode “*al-Qudwah Qabla al-Dakwah*” (menjadi teladan sebelum berdakwah) adalah bertujuan untuk mengiktiraf kewujudan setiap individu masyarakat tanpa mengira bangsa, kelainan paras rupa, dan tahap keupayaan fizikal dan mental.

Setiap manusia mempunyai hak dan kewajiban, di samping kewajiban yang telah ditetapkan oleh syarak, begitu juga golongan OKU. Hak dan hukum kepada golongan OKU perlu diberi perhatian agar nasib golongan ini terbela. OKU termasuk di dalam *mukalaf* melainkan orang yang telah kehilangan syarat taklif, iaitu akalunya. Namun, pentaklifan OKU ini bergantung kepada kemampuan mereka. Allah SWT tidak akan mentaklifkan sesuatu diluar kemampuan seseorang sebagaimana firman-Nya:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: Dan bertakwalah (beramallah) kepada Allah SWT sekadar kemampuan kamu. (Al-Taghabun: 16)

Golongan OKU adalah hamba Allah dan mempunyai kewajiban untuk beribadat kepada Allah mengikut kemampuan mereka. Islam telah menggariskan beberapa hak dan kewajiban tertentu yang telah ditetapkan untuk golongan ini. Masyarakat juga mempunyai tanggungjawab terhadap golongan ini terutama dalam pengajaran aspek agama seperti bab Ibadat, Muamalat, Jenayat, Munakahat dan Akidah kepada OKU. Melalui pengajaran ini, mereka dapat hidup bersama masyarakat. Walaupun golongan OKU ditakdirkan wujud kekurangan pada tahap keupayaan mereka sama ada mental atau fizikal, namun mereka memiliki kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Oleh yang demikian, Islam telah menggariskan beberapa hak dan kewajiban tertentu yang telah ditetapkan untuk golongan ini. Justeru, artikel ini akan membincangkan khusus berkenaan kedudukan taklif bagi golongan OKU dalam skop pelaksanaan ibadat.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji

untuk mengumpul dan menganalisis data terhadap penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan dokumentasi dan pemerhatian untuk mendapatkan data primer dan sekunder berkaitan objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

KONSEP TAKLIF MENURUT SYARAK

1. Definisi *Al-Taklif* Dari Sudut Bahasa

Perkataan *al-taklif* berasal daripada perkataan *al-kulfah* yang bermaksud penat (*al-ta'ab*) dan sukar (*al-masyaqqah*). Ibn Durayd (m.321H) menjelaskan ia bermaksud membebankan (sesuatu) dengan sesuatu. Manakala Ibn Faris (m.395H) menerangkannya sebagai mengemukakan perintah melakukan sesuatu yang membebankan. Fairuzabadi (m.871H) pula menyatakan *al-taklif* sebagai sesuatu yang memenatkan dan menyukarkan atau sesuatu perkara atau perintah yang meletakkan seseorang dalam kesulitan. Berdasarkan penerangan daripada ulama terdahulu, dapat disimpulkan bahawa definisi *al-taklif* dari sudut bahasa merujuk kepada sesuatu perintah atau suruhan yang membebankan, memenatkan, menyukarkan dan menyulitkan seseorang (Wan Ali et al, 2009).

2. Definisi *Al-Taklif* Dari Sudut Istilah

Definisi *al-taklif* dari sudut istilah dapat difahami melalui beberapa pandangan ulama. Menurut al-Baghdadi (m.329H) daripada aliran al-Asya'irah, *al-taklif* merujuk kepada perintah (*al-amr*) dan larangan (*al-nahy*) kerana perkara-perkara yang diperintah untuk dilakukan adalah penat dan sukar, dan pada kebiasaannya perintah-perintah tersebut tidak disuruh untuk melakukannya. Al-Juwayni (m.478H) pula mendefinisikan *al-taklif* sebagai suatu perintah yang diwajibkan atas seseorang *mukallaf* untuk melakukan sesuatu yang sukar baginya. Manakala 'Abd al-Jabbar (m.415H) daripada aliran al-Mu'tazilah mentakrifkannya dengan maksud keinginan melakukan sesuatu perbuatan yang menyukarkan dan membebankan diri seseorang *mukallaf*. Secara ringkasnya, definisi *al-taklif* dari sudut istilah dapat disimpulkan sebagai tuntutan syarak dalam bentuk perintah atau larangan yang kebiasaannya ada kesukaran/bebanan untuk dilakukan.

PERBINCANGAN

KEDUDUKAN TAKLIF OKU DALAM PELAKSANAAN IBADAT

Berdasarkan perbincangan konsep taklif, maka secara umumnya kelayakan OKU dalam pelaksanaan ibadat boleh dibahagikan kepada tujuh kategori OKU seperti berikut:

1) Taklif OKU Penglihatan

OKU penglihatan termasuk dalam kelayakan seseorang yang sempurna bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya. Kelayakan ini bermula dari kelahiran seseorang itu sehingga

kematiannya. OKU penglihatan juga termasuk dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan melaksana sempurna iaitu kelayakan yang sabit bagi seseorang yang telah baligh sehingga kematiannya kecuali jika akalinya terjejas sehingga menjejaskan kemampuannya.

Walaupun begitu, golongan OKU penglihatan layak untuk mendapat rukhsah kerana keuzuran yang terdapat pada penglihatannya dan layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada penglihatan. Pengecualian ini hanya terpakai apabila golongan OKU penglihatan ini tidak dapat melaksanakan hukum-hakam yang memerlukan kepada penglihatan dan tiada siapa yang dapat membantunya. Namun masalah penglihatan bagi OKU penglihatan berbeza di antara seorang dengan yang lain, oleh itu hukum rukhsah yang diberikan kepada golongan OKU penglihatan berbeza mengikut kemampuan masing-masing.

Bagi golongan OKU penglihatan yang mempunyai masalah penglihatan sejak kecil atau sejak kelahirannya, mendapat rukhsah yang lebih besar berbanding OKU penglihatan yang mempunyai masalah penglihatan setelah beliau dewasa dan mengetahui hukum-hakam yang wajib ke atasnya. Berdasarkan hukum-hakam ibadat, seorang yang baligh perlu mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan. OKU penglihatan juga perlu untuk mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuannya. OKU penglihatan wajib untuk mempelajari hukum-hakam berkaitan solat, zakat, puasa dan haji mengikut kadar kemampuannya.

Namun ketika melaksanakan hukum-hakam ini, mereka layak mendapat rukhsah yang berkaitan dengan hukum yang memerlukan penglihatan seperti kewajipan bersuci dengan air yang suci, mengetahui waktu solat dan puasa, mengadap kiblat ketika solat dan menunaikan haji. Mereka perlu berusaha dan berijtihad untuk melakukan hukum-hakam ini mengikut kemampuan mereka. Jika ada orang lain yang membantu mereka, maka mereka perlu melakukannya dengan sempurna.

Adapun hukum-hakam ibadat wajib yang lain jika ia boleh dipelajari oleh golongan OKU penglihatan dan mereka boleh melaksanakannya, maka menjadi kewajipan untuk mereka mempelajarinya dan melaksanakannya mengikut kemampuan mereka. Namun begitu, perkembangan teknologi telah membolehkan penciptaan alat bantuan penglihatan yang boleh membantu orang buta untuk berijtihad. Sekiranya dengan bantuan alat tersebut individu buta dapat berijtihad dan menyelesaikan masalah yang dihadapinya, maka dia wajib melaksanakan ibadat tersebut berdasarkan ijtihad yang dilakukan dengan penggunaan alat bantuan.

2) Taklif OKU Pendengaran

OKU pendengaran termasuk dalam kelayakan seseorang yang sempurna bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya. Kelayakan ini bermula dari kelahiran seseorang itu sehingga kematiannya. OKU pendengaran juga termasuk dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan melaksana sempurna iaitu kelayakan yang sabit bagi

seseorang yang telah baligh sehingga kematiannya kecuali jika akal nya terjejas sehingga menjejaskan kemampuannya.

Walaupun begitu, golongan OKU pendengaran layak untuk mendapat rukhsah kerana keuzuran yang terdapat pada pendengarannya dan layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada pendengaran.

Pengecualian ini hanya terpakai apabila golongan OKU pendengaran ini tidak dapat melaksanakan hukum-hakam yang memerlukan kepada pendengaran. Namun masalah pendengaran bagi OKU pendengaran berbeza di antara seorang dengan yang lain, oleh itu hukum rukhsah yang diberikan kepada golongan OKU pendengaran berbeza mengikut kemampuan masing-masing.

Bagi golongan OKU pendengaran yang mempunyai masalah pendengaran sejak kecil atau sejak kelahirannya, mendapat rukhsah yang lebih besar berbanding OKU pendengaran yang mempunyai masalah pendengaran setelah beliau dewasa dan mengetahui hukum-hakam yang wajib ke atasnya.

Berdasarkan hukum-hakam ibadat, seorang yang baligh perlu mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan. OKU pendengaran juga perlu untuk mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuannya. OKU pendengaran wajib untuk mempelajari hukum-hakam berkaitan solat, zakat, puasa dan haji mengikut kadar kemampuannya.

Namun ketika melaksanakan hukum-hakam ini, mereka layak mendapat rukhsah yang berkaitan dengan hukum yang memerlukan pendengaran seperti kewajipan membaca Surah Al-Fatihah dan bacaan yang wajib di dalam solat. Mereka layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam ini jika mereka tidak mampu untuk mempelajari bacaan-bacaan ini dan tidak dapat membacanya.

Mereka dibenarkan untuk melaksanakan bacaan-bacaan ini dengan kadar kemampuan mereka seperti mempelajari terjemahan bacaan-bacaan tersebut. Adapun hukum-hakam ibadat wajib yang lain seperti puasa, zakat dan haji, jika ia boleh dipelajari oleh golongan OKU pendengaran dan mereka boleh melaksanakannya, maka menjadi kewajipan untuk mereka mempelajarinya dan melaksanakannya mengikut kemampuan mereka.

Namun begitu, perkembangan teknologi telah membolehkan penciptaan alat bantuan pendengaran yang boleh membantu orang pekak untuk mendengar. Sekiranya dengan bantuan alat tersebut individu pekak sejak dilahirkan ini mampu mendengar sehingga boleh mengetahui tentang kewajipan solat dan lain –lain , maka dia wajib menunaikan solat dan ibadat-ibadat lain.

3) Taklif OKU Pertuturan

OKU pertuturan termasuk dalam kelayakan seseorang yang sempurna bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya. Kelayakan ini bermula dari kelahiran seseorang itu sehingga kematiannya. OKU pertuturan juga termasuk dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan melaksana sempurna iaitu kelayakan yang sabit bagi

seseorang yang telah baligh sehingga kematiannya kecuali jika akalinya terjejas sehingga menjejaskan kemampuannya.

Walaupun begitu, golongan OKU pertuturan layak untuk mendapat rukhsah kerana keuzuran yang terdapat pada pertuturannya dan layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada pertuturan. Pengecualian ini hanya terpakai apabila golongan OKU pertuturan ini tidak dapat melaksanakan hukum-hakam yang memerlukan kepada pertuturan. Namun masalah pertuturan bagi OKU pertuturan berbeza di antara seorang dengan yang lain, oleh itu hukum rukhsah yang diberikan kepada golongan OKU pertuturan berbeza mengikut kemampuan masing-masing.

Bagi golongan OKU pertuturan yang mempunyai masalah pertuturan sejak kecil atau sejak kelahirannya, mendapat rukhsah yang lebih besar berbanding OKU pertuturan yang mempunyai masalah pertuturan setelah beliau dewasa dan mengetahui hukum-hakam yang wajib ke atasnya. Di dalam hukum-hakam ibadat, seorang yang baligh perlu mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan. OKU pertuturan juga perlu untuk mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuannya. OKU pertuturan wajib untuk mempelajari hukum-hakam berkaitan solat, zakat, puasa dan haji mengikut kadar kemampuannya.

Namun ketika melaksanakan hukum-hakam ini, mereka layak mendapat rukhsah yang berkaitan dengan hukum yang memerlukan pertuturan seperti kewajipan membaca Surah Al-Fatihah dan bacaan yang wajib di dalam solat. Mereka layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam ini jika mereka tidak mampu untuk mempelajari bacaan-bacaan ini dan tidak dapat membacanya. Mereka dibenarkan untuk melaksanakan bacaan-bacaan ini dengan kadar kemampuan mereka seperti mempelajari makna bacaan-bacaan tersebut untuk dihayati ketika membacanya.

Adapun hukum-hakam ibadat wajib yang lain seperti puasa, zakat dan haji, jika ia boleh dipelajari oleh golongan OKU pertuturan dan mereka boleh melaksanakannya, maka menjadi kewajipan untuk mereka mempelajarinya dan melaksanakannya mengikut kemampuan mereka.

4) Taklif OKU Fizikal

OKU fizikal termasuk dalam kelayakan seseorang yang sempurna bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya. Kelayakan ini bermula dari kelahiran seseorang itu sehingga kematiannya. OKU fizikal juga termasuk dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan melaksana sempurna iaitu kelayakan yang sabit bagi seseorang yang telah baligh sehingga kematiannya kecuali jika akalinya terjejas sehingga menjejaskan kemampuannya.

Walaupun begitu, golongan OKU fizikal layak untuk mendapat rukhsah kerana keuzuran yang terdapat pada fizikalnya dan layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada pergerakan fizikal pada

anggota yang uzur tersebut. Pengecualian ini hanya terpakai apabila golongan OKU fizikal ini tidak dapat melaksanakan hukum-hakam yang memerlukan kepada pergerakan fizikal.

Namun masalah fizikal bagi OKU fizikal berbeza di antara seorang dengan yang lain, oleh itu hukum rukhsah yang diberikan kepada golongan OKU fizikal berbeza mengikut kemampuan masing-masing.

Bagi golongan OKU fizikal yang mempunyai masalah fizikal sejak kecil atau sejak kelahirannya, mendapat rukhsah yang lebih besar berbanding OKU fizikal yang mempunyai masalah fizikal setelah beliau dewasa dan mengetahui hukum-hakam yang wajib ke atasnya. Berdasarkan hukum-hakam ibadat, seorang yang baligh perlu mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan. OKU fizikal juga perlu untuk mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuannya. OKU fizikal wajib untuk mempelajari hukum-hakam berkaitan solat, zakat, puasa dan haji mengikut kadar kemampuannya.

Namun ketika melaksanakan hukum-hakam ini, mereka layak mendapat rukhsah yang berkaitan dengan hukum yang memerlukan pergerakan fizikal seperti rukun-rukun solat berdiri, rukuk, sujud dan menunaikan haji. Mereka layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam ini jika mereka tidak mampu untuk melakukan pergerakan fizikal tersebut atau tiada siapa yang membantu mereka. Mereka dibenarkan untuk melakukan pergerakan fizikal ini mengikut kadar kemampuan mereka.

Adapun hukum-hakam ibadat wajib yang lain seperti puasa dan zakat yang mereka boleh melakukannya, maka menjadi kewajipan untuk mereka mempelajarinya dan melaksanakannya mengikut kemampuan mereka.

5) Taklif OKU Masalah Pembelajaran

OKU masalah pembelajaran termasuk dalam kelayakan seseorang yang sempurna bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya. Kelayakan ini bermula dari kelahiran seseorang itu sehingga kematiannya. OKU masalah pembelajaran juga termasuk dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan melaksana sempurna iaitu kelayakan yang sabit bagi seseorang yang telah baligh sehingga kematiannya kecuali jika akalinya terjejas sehingga menjejaskan kemampuannya.

Sekiranya tahap akalinya terjejas pada kadar rendah dan sederhana, maka ia termasuk dalam kelayakan melaksana tidak sempurna, Sekiranya pada tahap yang tinggi, maka orang ini hanya mempunyai kelayakan wajib yang sempurna ke atas dirinya.

Walaupun begitu, golongan OKU masalah pembelajaran layak untuk mendapat rukhsah kerana keuzuran yang terdapat pada pembelajarannya dan layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada pembelajaran. Pengecualian ini hanya terpakai apabila golongan OKU masalah pembelajaran ini tidak dapat melaksanakan hukum-hakam yang memerlukan kepada pembelajaran. Namun masalah pembelajaran bagi OKU masalah pembelajaran

berbeza di antara seorang dengan yang lain, oleh itu hukum rukhsah yang diberikan kepada golongan OKU masalah pembelajaran berbeza mengikut kemampuan masing-masing.

Bagi golongan OKU masalah pembelajaran yang mempunyai masalah pembelajaran sejak kecil atau sejak kelahirannya, mendapat rukhsah yang lebih besar berbanding OKU pembelajaran yang mempunyai masalah pembelajaran setelah beliau dewasa dan mengetahui hukum-hakam yang wajib ke atasnya. Berdasarkan hukum-hakam ibadat, seorang yang baligh perlu mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan. OKU masalah pembelajaran juga perlu untuk mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuannya. OKU masalah pembelajaran wajib untuk mempelajari hukum-hakam berkaitan solat, zakat, puasa dan haji mengikut kadar kemampuannya.

Namun ketika melaksanakan hukum-hakam ini, mereka layak mendapat rukhsah yang berkaitan dengan hukum yang memerlukan pembelajaran seperti kewajipan mempelajari hukum-hakam solat dan puasa serta bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan yang wajib di dalam solat. Mereka layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam ini jika mereka tidak mampu untuk mempelajari hukum-hakam ini dan tidak dapat melaksanakannya. Mereka dibenarkan untuk melaksanakan hukum-hakam ini dengan kadar kemampuan mereka.

Adapun hukum-hakam ibadat wajib yang mudah untuk dipelajari oleh golongan OKU pembelajaran dan mereka boleh melaksanakannya, maka menjadi kewajipan untuk mereka mempelajarinya dan melaksanakannya mengikut kemampuan mereka.

6) Taklif OKU Mental

OKU mental termasuk dalam kelayakan seseorang yang sempurna bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya. Kelayakan ini bermula dari kelahiran seseorang itu sehingga kematiannya. OKU mental termasuk dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan melaksana tidak sempurna kerana akal dan mentalnya yang terjejas dan menjejaskan kelayakan melaksana yang sempurna.

Golongan OKU mental layak untuk mendapat rukhsah kerana keuzuran yang terdapat pada mentalnya dan layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada mental yang sempurna. Bahkan asas kewajipan bagi orang yang baligh adalah kesempurnaan akal. Pengecualian ini hanya terpakai apabila golongan OKU mental ini tidak dapat melaksanakan hukum-hakam yang memerlukan kepada mental yang sempurna.

Namun masalah mental bagi OKU mental berbeza di antara seorang dengan yang lain, oleh itu hukum rukhsah yang diberikan kepada golongan OKU mental berbeza mengikut kemampuan masing-masing. Bagi golongan OKU mental yang mempunyai masalah mental sejak kecil atau sejak kelahirannya, mendapat rukhsah yang lebih besar berbanding OKU mental yang mempunyai masalah mental setelah beliau dewasa dan mengetahui hukum-hakam yang wajib ke atasnya.

Berdasarkan hukum-hakam ibadat, seorang yang baligh perlu mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan. OKU mental juga perlu untuk mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan mentalnya. OKU mental wajib untuk mempelajari hukum-hakam berkaitan solat, zakat, puasa dan haji mengikut kadar kemampuan mentalnya.

Namun ketika melaksanakan hukum-hakam ini, mereka layak mendapat rukhsah yang berkaitan dengan hukum yang memerlukan mental seperti hukum-hakam yang wajib dijaga ketika menunaikan ibadah solat, puasa dan haji. Mereka layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam ini jika mereka tidak mampu untuk mempelajari hukum-hakam ini dan tidak mampu melaksanakannya. Mereka dibenarkan untuk melaksanakan hukum-hakam ini dengan kadar kemampuan mereka. Adapun hukum-hakam ibadat wajib yang lain seperti zakat ia boleh dilakukan oleh penjaganya untuk menunaikannya.

7) Taklif OKU Pelbagai (lebih dari 1 jenis ketidakupayaan)

OKU pelbagai termasuk dalam kelayakan seseorang yang sempurna bagi mendapatkan hak-haknya yang ditentukan oleh syarak atau mensabitkan hak-hak orang lain ke atasnya. Kelayakan ini bermula dari kelahiran seseorang itu sehingga kematiannya. OKU pelbagai juga termasuk dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan melaksana sempurna iaitu kelayakan yang sabit bagi seseorang yang telah baligh sehingga kematiannya kecuali jika akalinya terjejas sehingga menjejaskan kemampuannya.

Walaupun begitu, golongan OKU pelbagai layak untuk mendapat rukhsah kerana keuzuran yang pelbagai terdapat pada dirinya dan layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada kesempurnaan diri dan mental. Pengecualian ini hanya terpakai apabila golongan OKU pelbagai ini tidak dapat melaksanakan hukum-hakam yang memerlukan kepada kesempurnaan diri dan mental.

Namun pelbagai masalah yang terdapat pada OKU pelbagai berbeza di antara seorang dengan yang lain, oleh itu hukum rukhsah yang diberikan kepada golongan OKU pelbagai berbeza mengikut kemampuan masing-masing. Bagi golongan OKU pelbagai yang mempunyai masalah sejak kecil atau sejak kelahirannya, mendapat rukhsah yang lebih besar berbanding OKU pelbagai yang mempunyai masalah setelah beliau dewasa dan mengetahui hukum-hakam yang wajib ke atasnya.

Berdasarkan hukum-hakam ibadat, seorang yang baligh perlu mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuan. OKU pelbagai juga perlu untuk mempelajari ilmu fardhu ain dan melaksanakannya mengikut kemampuannya. OKU pelbagai wajib untuk mempelajari hukum-hakam berkaitan solat, zakat, puasa dan haji mengikut kadar kemampuannya. Namun ketika melaksanakan hukum-hakam ini, mereka layak mendapat rukhsah yang berkaitan dengan hukum yang memerlukan kesempurnaan diri dan mental seperti hukum-hakam solat, puasa dan haji.

Mereka layak untuk mendapat pengecualian hukum-hakam ini jika mereka tidak mampu untuk melakukan hukum-hakam ini. Mereka dibenarkan untuk melaksanakan hukum-hakam ini dengan kadar kemampuan mereka. Adapun hukum-hakam ibadat wajib yang lain jika ia boleh dipelajari oleh golongan OKU pelbagai ini dan mereka boleh melaksanakannya, maka menjadi kewajipan untuk mereka mempelajarinya dan melaksanakannya mengikut kemampuan mereka.

KESIMPULAN

Kedudukan hukum taklif ke atas seseorang bergantung kepada kemampuan akalinya. Selagi mana seseorang itu tidak mencapai kedudukan akal yang waras maka tanggungjawab ibadat adalah gugur dari kehidupannya meskipun umur sudah mencapai tahap dewasa atau baligh. Namun begitu, kewajipan perlaksanaannya tertakluk kepada syarat capaian umur baligh yang diketahui melalui tanda-tandanya. Kedudukan akal yang waras menjadi punca utama untuk menentukan kewajipan untuk beribadat di sisi syarak, seperti solat dan puasa. Perkara ini menunjukkan akal memainkan peranan utama dalam penentuan kedudukan taklif seseorang. Bagi golongan yang waras akalinya dan sudah mencapai umur baligh tidak tergugur daripada kewajipan pelaksanaan ibadat meskipun terdapat beberapa halangan yang memberi kesan pada hukum sesuatu ibadat. Namun Islam menekankan aspek rukhsah ke atas golongan ini untuk meringankan beban mereka dalam melaksanakan ibadat. Ini kerana mereka tidak mampu memahami dalil pentaklifan yang menjadi syarat utama menjadi mukalaf.

Amnya, warga OKU adalah sama seperti insan tipikal yang mempunyai fitrah naluri beragama yang dinyatakan dalam al-Quran dan sunnah. Sehubungan itu, OKU Penglihatan, Pendengaran, Pertuturan dan Fizikal wajib menunaikan segala kewajipan yang ditetapkan oleh syarak atau dengan kata lain termasuk dalam kategori taklif. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada OKU Pelbagai yang melibatkan ketidakupayaan pendengaran dan penglihatan sejak dilahirkan, dan mereka yang mengalami ketidaksempurnaan akal yang teruk, iaitu darjah kecerdasan (IQ) 39 ke bawah. Ini kerana mereka tidak mampu memahami dalil pentaklifan yang menjadi syarat utama menjadi mukalaf.

Kanak-kanak yang mempunyai tahap IQ 40-70 masih perlu kajian secara terperinci dari sudut tahap ketaklifannya. Penelitian ini perlu dilaksanakan disebabkan wujudnya pelbagai kategori dan tahap IQ dalam sesuatu kelainan keupayaan individu tersebut seperti autisme, sindrom down, lambat, dan yang sewaktu dengannya atau dalam kata lain mereka yang dikategorikan sebagai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) masalah pembelajaran. Perkara ini perlu dilihat dan dinilai dari kaca mata pelbagai bidang kepakaran, antaranya ilmu syarak, perubatan, pendidikan, dan sains serta teknologi bagi menentukan tahap pentaklifan OKU dengan lebih tepat dan sahih.

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), dengan tajuk Pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Konteks Malaysia Baharu, Kod Penyelidikan USIM: USIM/FRGS/FSU/055002/50519 dan Kod Penyelidikan JPT: FRGS/1/2019/WAB04/USIM/02/1. Ketua penyelidik juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Abd al-Jabbar, al-Qadi Abu Hasan bin Ahmad, al-Mughni, (415H). Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, Beirut XI, h.295.
- Al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad (329 H). Usul al-Din, Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, Beirut, Cet.II, , h.207;
- Al-Juwayni, Imam al-Haramayn, 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf, al-Burhan (478H). Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, Beirut, h.26.
- Fairuzabadi, Tahir Ahmad al-Zawi, Tartib al-Qamus al-Muhit, al-Qahirah, (1379/1959), Cet.I, III, h.67.
- Ibn Durayd, Abu Bakr Muhammad bin al-Hasan al-Azdi al-Basri (t.t.). Jamharah al-Lughah. Beirut: Dar al-Sadir,
- Ibn Faris, Abu al-Hasan Ahmad bin Faris bin Zakariyya (t.t.). Mu'jam Maqayis al-Lughah. Dar al-Jil.
- Wan Ali, W.Z.K & Ismail, A.H (2009). Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (al-Taklif) Dalam Pemikiran Islam: Penerapan dan aplikasinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.